# Ribuan jemaah berbuka puasa di Masjidil Haram

April 3, 2022 @ 9:22am



Suasana berbuka puasa di Masjidil Haram selepas dua tahun aktiviti itu dilarang akibat pandemik COVID-19. - Foto Google

RIYADH: Ribuan jemaah duduk dalam barisan panjang di Masjidil Haram sambil menunggu azan Maghrib untuk berbuka puasa pada hari pertama berpuasa semalam.

Jamuan berbuka puasa turut diperluaskan di dalam Masjidil Haram iaitu di tempat-tempat yang ditetapkan, sekali gus menyaksikan interaksi pelbagai budaya dan bangsa ketika berbuka puasa, lapor Arab News.

Sukarelawan yang dilantik badan-badan rasmi dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga mengagihkan juadah berbuka puasa di perkarangan masjid itu selepas dua tahun aktiviti itu dilarang akibat COVID-19

Pemegang Dua Masjid Suci turut memberikan lebih daripada 2,000 permit untuk menyediakan juadah berbuka puasa khusus yang disediakan dan diedarkan di bawah garis panduan COVID-19.

Selain itu, mereka juga melarang penggunaan cawan plastik untuk minuman panas dan pengedarannya di koridor dan di pintu masuk masjid.

Sejumlah jemaah memuji aktiviti berbuka puasa ini selepas hampir dua tahun tidak dapat melaksanakannya. - AGENSI